

12/12/2003

Memahami tuntutan perubahan

DALAM ajaran akidah Islam disebutkan bahawa alam ini berubah dan setiap yang berubah itu adalah baru sifatnya. Yang bersifat kekal dan abadi ialah Allah swt Selain Allah swt adalah baru dan sentiasa terdedah kepada perubahan.

Fenomena perubahan dalam kehidupan manusia dan masyarakatnya berlaku setiap masa. Setiap masa ada orang yang mati dan yang lahir. Setiap masa, berlaku perkembangan dalam lapangan ekonomi, politik, budaya dan sebagainya yang memperlihatkan dengan nyata fenomena perubahan yang berlaku.

Perubahan sebenarnya tidak berlaku sehala. Perubahan berlaku menaik dan kemudian menurun. Seorang manusia dilahirkan dalam keadaan lemah dan membesar menuju kematangan dan kedewasaan. Kemudian dimamah usia sehingga lemah dan musnah.

Dalam perkembangan tamadun, kita dapati sesuatu masyarakat yang bangkit membawa perkembangan pesat dan kemudian perkembangan itu mendatar. Akhirnya mula berlaku perubahan ke arah menurun dan lenyap. Dulu, bangsa Ad, Thamud dan Firaun, begitu hebat membangunkan tamadun purba. Kini, nama itu hanya tinggal dalam sejarah semata-mata.

Ada teori mengatakan bahawa perubahan itu berlaku dalam bentuk dialektika dan hanya yang layak akan kekal atau 'survival of the fittest.' Sesuatu yang ada yang dinamakan tesis akan dengan sendirinya mewujudkan lawannya yang dinamakan sebagai antitesis. Kedua-dua bertarung dan akan musnah dalam proses yang dinamakan sintesis di samping melahirkan suatu yang baru yang lebih maju dan sempurna. Suatu yang baru ini adalah suatu tesis yang baru dan melahirkan antitesis. Begitulah perubahan berlaku menuju kepada kemajuan.

Sesuatu tamadun yang dikembangkan oleh sesuatu bangsa akan melahirkan tamadun yang menyainginya sebagai antitesis kepadanya. Kedua-duanya bertarung dan berlaku proses sintesis yang melahirkan peradaban yang lebih maju.

Pada suatu ketika orang sosialis percaya bahawa kelahiran masyarakat sosialis adalah kemestian kepada masyarakat kapitalis dan adalah antitesis kepada masyarakat kapitalis itu. Dengan kemunculan masyarakat sosialis itu, berlaku proses sintesis yang akan melahirkan masyarakat komunis yang adil, sama rata dan bebas daripada sebarang penindasan.

Tetapi keyakinan itu tidak menjadi kenyataan, kerana kemusnahan ideologi dan sistem sosialisme itu di pertengahan jalan. Keyakinan mengenai perubahan berdasarkan dialektika menjadi pudar dengan perkembangan yang berlaku.

Berikutan itu, timbul tanggapan di kalangan setengah pihak yang fanatik kepada kapitalisme bahawa sistem kapitalisme adalah kemuncak kepada perkembangan sejarah manusia. Sejarah diisytiharkan telah berakhir.

Apa juga andaian yang dibuat mengenai proses berlakunya perubahan, suatu yang tidak boleh dipertikaikan bahawa fenomena alam ini menunjukkan bahawa perubahan adalah semula jadi dalam perjalanan dan kehidupan alam ini.

Sama ada perubahan itu menuju kemajuan atau sebaliknya. Kita seharusnya menerima hakikat ini dan sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan atau merancang perubahan itu ke arah kejayaan dan kemajuan.

Dalam al-Quran telah dinyatakan bahawa Allah swt tidak mengubah keadaan yang ada di kalangan sesuatu bangsa, melainkan setelah bangsa itu mengubah keadaan di dalam dirinya. Ini menunjukkan bahawa usaha, perancangan dan

tindakan merubah itu perlu dilakukan bagi menentukan sesuatu bentuk dan corak perubahan.

Tanpa perancangan dan tindakan yang tersusun ke arah perubahan, tidak akan menghalang perubahan. Tetapi perubahan yang tidak dirancang dengan teliti dan diikuti dengan tindakan berkesan, tidak menjamin perubahan yang membawa kejayaan dan kemajuan. Bahkan, perubahan yang berlaku itu mungkin membawa ke arah kacau bilau. Inilah yang perlu dielakkan oleh sesuatu bangsa atau sesebuah negara dalam menghadapi kehidupan yang berubah-ubah.

Negara kita sedang berada di ambang perubahan setelah berlaku perubahan kepimpinan. Malah, keadaan dunia antarabangsa yang berubah juga mempengaruhi perkembangan yang berlaku di negara ini.

Malaysia diberi kepercayaan memimpin Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Peranannya meletakkan negara ini di ambang perubahan. Jika kepimpinan Malaysia dalam NAM dan OIC tidak memberi apa-apa kesan kepada kedua-dua pertubuhan itu, keyakinan dan kepercayaan terhadap Malaysia akan berubah daripada harapan yang tinggi kepada hilang keyakinan dan kepercayaan kepada kebolehan dan keupayaan kita.

Bahkan pelbagai dasar yang dilaksanakan pada zaman Tun Dr Mahathir Mohamad memerlukan penilaian semula, untuk menyesuaikannya dengan keadaan dunia yang berubah dan tuntutan perubahan dalam perkembangan hidup bangsa di negara ini.

Jika apa yang telah dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan tidak difahami dan ditangani dengan bijaksana, perubahan mungkin berlaku di luar kawalan. Ia akan membawa mudarat kepada agama, bangsa dan negara.

Penilaian kembali terhadap dasar pemerintahan yang lalu perlu dilakukan dengan objektif. Ini kerana pada permukaan air yang tenang itu, mungkin ada arus yang laju di bawahnya. Sebab itu penilaian objektif dan menyeluruh perlu dilakukan untuk merancang perubahan.

Kepemimpinan sebuah negara yang mengorak langkah ke arah kemajuan, bukan hanya perlu kepada perubahan stail. Perubahan yang dituntut adalah dinamika yang menggerakkan masyarakat supaya kemajuan dicapai menjurus ke arah matlamat perjuangan.

Ini memerlukan kefahaman yang mendalam dan wawasan yang jelas mengenai hala tuju dan matlamatnya. Ia tidak akan berlaku sekiranya kesan sebenar daripada perubahan yang dilakukan pada masa yang lalu, tidak difahami dan diteliti dengan mendalam.

Perubahan yang berlaku seharusnya bukan perubahan yang terjadi secara kebetulan, tanpa matlamat dan tujuan. Bukan pula perubahan yang semata-mata dilakukan untuk berubah, tanpa hala tuju yang telah dikenal pasti.

Pemimpin yang tidak merancang perubahan dan berubah hanya kerana hukum alami yang menentukan perjalanan alam ini berubah, bukanlah pemimpin yang dapat menaungi kehidupan rakyat untuk kesejahteraan mereka. Pemimpin seperti itu adalah pemimpin yang gagal. Begitu juga dengan pemimpin yang hanya meneruskan perancangan yang lama, baik atau tidak baik rancangan itu, sebenar, adalah pemimpin yang lemah.

Inilah cabaran yang dihadapi oleh orang di kerusi kepimpinan, terutama kepimpinan negara yang sedang bergerak keluar daripada kemiskinan dan kemunduran.

Perubahan yang tidak menyenangkan kita banyak berlaku di negara ini. Kebejatan sosial dan perancangan budaya hidup yang tidak menjurus kepada integrasi kaum berteraskan budaya pribumi adalah di antaranya. Begitu juga penyertaan Bumiputera dalam pembahagian ekonomi yang tidak seimbang, adalah di antara perubahan yang tidak menyenangkan.

Perubahan yang menyenangkan kita juga berlaku di bawah pentadbiran kerajaan yang lalu. Semua ini menuntut kefahaman dan kesedaran yang mendalam supaya rencana perubahan berwawasan dapat diatur dan tindakan

yang sewajarnya untuk pengurusan perubahan itu dapat dilakukan.

Di permukaan, adat kata-kata pujian dan gambaran kejayaan yang menyenangkan mengenai kepimpinan lalu. Tetapi, di bawah permukaan itu ada arus yang menampakkan fenomena yang tidak menyenangkan. Apa lagi arus yang tidak menyenangkan itu menjadi keyakinan golongan profesional dan intelektual Melayu.

Mereka berpendapat bahawa kemajuan yang dicapai negara di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir terpaksa dibayar dengan harga terlalu mahal, terutama jika dinilai daripada perjuangan orang Melayu.

Dasar Ekonomi Baru dikorbankan sebelum matlamatnya dicapai. Dengan mengorbankan dasar itu, negara mungkin mencapai status maju, tetapi orang Melayu kehilangan wadah yang menggerakkan kemajuannya ke depan. Orang Melayu ketinggalan dalam perjalanan negara merebut status negara maju.

Arus di bawah permukaan yang deras ini menyebabkan banyak di kalangan golongan menengah, intelektual dan profesional mengambil sikap menentang kerajaan. Mereka tidak yakin kepada kebolehan Pas yang menjadi saingan Umno, tetapi mereka tiada pilihan lain dan tentangan yang disalurkan melalui Pas sekurang-kurangnya untuk menyampaikan mesej supaya berlaku perubahan yang dapat mengisi erti perjuangan untuk agama, bangsa dan tanah air.

Mereka menunggu perubahan yang bakal dilakukan oleh kepemimpinan baru. Sejauh manakah kepimpinan baru ini peka kepada tuntutan perubahan. Sedalam manakah kefahaman kepemimpinan baru terhadap tuntutan perubahan. Mereka ingin melihat tanda-tandanya menjelang pilihan raya yang akan datang.

Bagaimana jika tanda-tanda dan isyarat perubahan itu terus tidak kelihatan, menjelang pilihan raya akan datang ini kemungkinan golongan ini akan mengajar Umno sekali lagi supaya sedar bahawa sesuatu perubahan yang berwawasan dan menuju ke arah mencapai matlamat perjuangan agama, bangsa dan negara dapat dilakukan secara lebih berkesan demi survival bangsa.